

12 FEB 2001

Mahathir-Penggiliran

PM AKAN DAPATKAN PANDANGAN SEMUA PEMIMPIN KOMPONEN BN SABAH

KOTA KINABALU, 12 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau akan mengadakan perjumpaan dengan pemimpin semua parti komponen Barisan Nasional (BN) di Sabah bagi mendapatkan pandangan mereka berhubung sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah.

Perdana Menteri berkata pertemuan itu akan diadakan secara berasingan di ibu negara sebelum berakhir tempoh bagi Ketua Menteri ketika ini, Datuk Osu Sukam.

"Saya hanya menemui pemimpin-pemimpin Umno Sabah, dan saya bercadang menemui pemimpin komponen BN yang lain kemudian. Saya akan menjemput mereka ke Kuala Lumpur bagi menemui mereka seorang demi seorang untuk mendengar pendapat mereka," katanya pada sidang berita di akhir lawatan dua hari beliau ke Sabah, petang ini.

Ketika ditanya sama ada jawatan Ketua Menteri selepas ini akan disandang oleh pemimpin daripada kaum Bumiputera bukan Islam atau Cina, Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN, secara bergurau berkata: "Dia adalah seorang rakyat Malaysia."

Menjelang lawatannya ke sini, Sabah hangat dilanda spekulasi bahawa Perdana Menteri akan memberi sedikit gambaran terhadap sistem berkenaan kerana tempoh Osu dijadual tamat Mac ini.

Ketika ditanya mengenai pandangan Umno Sabah tentang sistem berkenaan, Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata: "Perkara ini, belum dapat saya terangkan lagi."

Sistem itu dicadangkan oleh beliau ketika Sabah menghadapi kempen pilihan raya negeri 1994 dan mula dilaksanakan apabila BN mengambil alih tampuk pemerintahan negeri pada Mac tahun yang sama.

Sistem unik itu membolehkan pemimpin tiga kaum utama di Sabah -- Bumiputera Islam, Cina dan Bumiputera bukan Islam -- menerajui kerajaan negeri secara bergilir-gilir bagi tempoh dua tahun seorang.

Akhir-akhir ini beberapa pihak mencadangkan agar sistem berkenaan dimansuhkan manakala yang lain pula mahu menyerahkan sepenuhnya kepada Perdana Menteri untuk membuat keputusan.

Kepada soalan mengenai sama ada terdapat kesukaran untuk membuat keputusan, Dr Mahathir berkata, tiada masalah yang besar.

"Secara amnya, BN di Sabah ini adalah satu organisasi yang kukuh dan mereka mengutamakan kepentingan Sabah. Jadi saya tak nampak mereka akan buat sesuatu yang boleh menjejaskan kepentingan Sabah," katanya.

Beliau turut ditanya mengenai nasihat badan perhubungan Umno Sabah agar pemilihan parti di peringkat cawangan bulan depan dan bahagian pada April ini seboleh-bolehnya tidak melibatkan pertandingan.

Dr Mahathir berkata: "Sebarang pertandingan memanglah satu amalan demokrasi tetapi kita dapati ada orang yang gagal menerima keputusan pertandingan itu. Jika mereka kalah, ia menjadi tidak demokratik dan itulah masalahnya.

"Jika kita benar-benar demokratik, sebarang pertandingan tidak menjadi masalah kerana apabila kita kalah, kita terima dan menyokong pemenangnya. Tetapi terdapat kecenderungan di sesetengah tempat, apabila yang bertanding itu kalah, mereka tidak dapat menerima keputusan...mereka akan mengambil tindakan yang menjejaskan perpaduan parti."

Oleh sebab itu, kata Dr Mahathir, lebih baik jika sesuatu cawangan atau bahagian itu bermuafakat untuk menentukan pemimpin mereka.

-- BERNAMA

JS MAI